



# KOPERKASA

KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD

<https://www.koperkasa.com.my>

## UCAPAN KHAS SEMPENA SAMBUTAN TAHUN BARU CINA DARIPADA PENERUSI KOPERKASA

### *Salam Sejahtera*

Para anggota yang amat dihargai,

Seperti yang kita sedia maklum, Tahun Baru Cina pada tahun ini jatuh pada 10 Februari 2024 dan sambutan perayaan ini disambut oleh masyarakat berbangsa Cina di seluruh Malaysia.

Lebih bermakna lagi berdasarkan turutan, tahun ini yang merupakan tahun naga dianggap sebagai tahun paling bertuah yang menjanjikan kemakmuran dan peluang yang baik.

Mengikut kepercayaan kaum Cina tahun naga membawa maksud sebagai simbol kepada kekuatan atau keyakinan, kehormatan, kejayaan dan keuntungan.

Sarawak secara amnya, sangat bertuah kerana mempunyai pelbagai kaum dan keturunan yang tinggal di negeri ini. Dengan kepelbagaian ini, kita dapat sama-sama melihat budaya dan sambutan perayaan kaum masing-masing.

Koperkasa secara khususnya pula juga bertuah kerana mempunyai keanggotaan di kalangan pelbagai jenis kaum dan keturunan di Sarawak termasuk kaum Cina itu sendiri.

Saya berharap dengan kepelbagaian itu, Sarawak serta Koperkasa akan sentiasa harmoni dengan mengamalkan sikap hormat-menghormati budaya antara satu sama lain.

Seperti maksud tahun naga, saya juga berharap agar Koperkasa akan sentiasa teguh, maju, serta berjaya sehingga dapat memberikan keuntungan dan pulangan yang tinggi kepada anggota-anggotanya.

Akhir kata, saya mewakili Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman, Para Perwakilan dan seluruh warga kerja Koperkasa mengucapkan:



**Fathi Bin Haji Hambali** C.A.(M),PPC,PBK,PPB,PPS

Pengerusi

Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad





**SELAMAT TAHUN BARU CINA  
GONG XI FA CAI**

*Nekhlas daripada,*

**Anggota Lembaga Koperkasa**



**Othman Bin Bujang** BBS  
SETIAUSAHA



**Mohamad Adzman Bin Abdullah**  
BENDAHARI



**Raden Amri Bin  
Raden Othman**  
ALK



**Haji Omar Bahrein Bin  
Unin** ABK  
ALK



**IR. Zaidi Bin Pathi** PPB  
ALK



**Ahmad Bin Malie**  
ALK



**Yong Ing Thung** PPB  
ALK



**Richard Engan Ang**  
ALK



**Haji Azahari Bin  
Sobet**  
ALK



**Abdoll Kader Bin  
Osman**  
ALK



**Ramzi Bin Gusti**  
ALK